

20/02/1998

Brunei setuju guna mata wang serantau (HL)

Lichong Angkui

TUARAN, Khamis - Brunei bersetuju dengan cadangan agar Asean menggunakan mata wang sendiri dalam perdagangan di kalangan negara anggota, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persetujuan itu dinyatakan kepada Perdana Menteri oleh Sultan Hassanah Bolkuah pada pertemuan mereka di Bandar Seri Begawan, semalam. Pada pertemuan itu, Dr Mahathir melaporkan kepada Sultan Brunei mengenai lawatannya ke Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia baru-baru ini.

"Secara umum kita membuat penilaian mengenai keadaan ekonomi dan jenis kerjasama negara Asean yang kita cadangkan," katanya sambil menambah, Sultan Brunei juga bercadang untuk melawat Malaysia tidak lama lagi.

Dr Mahathir juga menerima laporan Sultan Brunei mengenai lawatannya ke Indonesia baru-baru ini.

Perdana Menteri, yang tiba dari Brunei hari ini untuk lawatan dua hari ke Sabah, ditanya mengenai hasil kunjungannya ke negara jiran itu. Sebelum itu, beliau meninjau projek Nexus Golf Resort Karambunai, dekat sini.

Menurut Dr Mahathir, negara Asean sukar melaksanakan program pemulihan ekonomi kerana wujud tekanan kuasa luar memaksa mereka mendapatkan bantuan daripada agensi kewangan antarabangsa.

"Asean masih ditekan. Apabila nak buat sesuatu, maka tindakan akan diambil. Jadi walaupun apa yang dianggap sebagai bantuan itu tidak berkesan, tindakan diambil untuk memaksa negara Asean menerima.

"Disebabkan tekanan daripada pihak luar ini, sukar bagi kita. Jika dibiarkan bersendirian, kita boleh menguruskan ekonomi sendiri tetapi setiap kali kita melakukan sesuatu, kuasa luar itu akan mengenakan tekanan.

"Kita seperti diugut jika tidak melakukan seperti yang mereka mahu, maka ekonomi akan menjadi teruk. Ini bermakna nilai mata wang akan terus ditekan yang akhirnya menyebabkan ekonomi bertambah teruk," katanya sambil menambah, Malaysia juga masih ditekan.

Mengenai cadangan Indonesia memperkenalkan lembaga mata wang bagi menyandarkan rupiah dengan dolar Amerika, Perdana Menteri berkata reaksi dan pandangan mengenainya oleh pihak luar memburukkan lagi keadaan, sekali gus boleh menyebabkan rupiah terus menjunam.

"Jika sebuah agensi menyatakan perkara itu tidak baik dan mereka tidak akan membantu, kesannya rupiah akan terus jatuh," katanya.

Menurutnya, Indonesia sebagai negara merdeka sudah menerima pelbagai syarat yang dikenakan oleh agensi kewangan antarabangsa. Oleh itu, dalam beberapa perkara, Indonesia harus dibiar membuat keputusan sendiri.

"Jika usaha yang diperkenalkan itu berhasil, ia boleh dilaksanakan tetapi apa yang dilakukan sekarang sebaliknya. Apa yang dianggap sebagai bantuan kepada Indonesia sebenarnya tidak membantu Indonesia sama sekali. Masalah yang dihadapi bertambah buruk," katanya.

(END)